



Headline	TNB, Sapura ke separuh akhir hoki Piala TNB 2013		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 May 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	62	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	NOR AZIRAN YUNUS	AdValue	RM 891
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,672



TNB, Sapura ke separuh akhir hoki Piala TNB 2013

NOR AZIRAN YUNUS

PASUKAN Tenaga Nasional Berhad (TNB) menempah tiket ke separuh akhir Piala TNB 2013 apabila menewaskan Terengganu Hockey Team (Terengganu HT) 5-1 pada aksi suku akhir kedua di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

Dengan kemenangan tersebut, TNB mara ke separuh akhir dengan agregat 8-3 setelah menang 3-2 pada aksi pertama Rabu lalu.

Menanti TNB pada separuh akhir adalah pasukan Maybank yang mendapat *bye* pada suku akhir selaku naib juara Liga Hoki Malaysia TNB (TNBMHL) musim ini.

Jurulatih TNB, Nor Azlan Bakar berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh semua pemain TNB pada perlawanan semalam.

"Kesempurnaan kami dalam perlawanan ini bermula pada separuh masa kedua. Semua pemain mengikut setiap arahan yang diberikan dan mereka mengaplikasi gaya permainan yang mudah.

"Saya sering berpesan kepada mereka (pemain) supaya mengamalkan permainan 'mudah' dan 'membunuh' (menjaringkan gol) permainan jika mendapat peluang," kata Nor Azlan kepada *Kosmo!* semalam.

Pada awal perlawanan, kedua-dua pasukan dilihat berhati-hati dengan bola lebih banyak berlegar di tengah padang.

Selepas setengah jam beraksi, Terengganu HT mula meningkatkan rentak permainan dan menerusi sa-

tu serangan di penjuru kanan pintu gol TNB, Azlan Misron berjaya menolak masuk untuk gol pertama Terengganu HT serta mengikat kedudukan agregat kepada 3-3.

Tersentak dengan kebangkitan Terengganu HT, TNB mula mengatur serangan dan peluang menerusi pukulan sudut penalti tidak disia-siakan oleh penyerang TNB, Faizal Saari apabila dia berjaya menolak bola ke gawang Terengganu HT pada minit ke-40 untuk gol penyamaan 1-1.

Memasuki minit ke-53, pukulan sudut penalti oleh TNB berjaya menerjah gawang lawan dan kali ini giliran Mohd. Marhan Mohd. Jalil pula mencatat nama selaku penjaring gol untuk membolehkan TNB mendahului 2-1.

Dua minit kemudian, serangan balas pantas oleh pemain TNB, Mohd. Azammi Adabi berjaya memperdaya penjaga gol Terengganu HT untuk gol ketiga sebelum Faizal sekali lagi meledak gol kedua peribadi pada minit ke-59 menjadikan TNB selesa mendahului 4-1.

TNB masih belum puas dengan empat gol dan pada minit ke-63 berpunca daripada larian solo Faizal, dia bijak memecah benteng pertahanan Terengganu HT lalu menolak kepada Faiz Helmi Jali yang tidak dikawal untuk gol ke-

lima TNB, sekali gus mengesahkan mereka ke mara peringkat separuh akhir untuk bertemu Maybank.

Sementara itu, pasukan Sapura turut layak ke separuh akhir selepas menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan agregat 6-4 dalam satu lagi aksi suku akhir kedua semalam.

Pada aksi suku akhir kedua itu, Sapura menewaskan UniKL 3-2 dan mereka akan bertemu juara liga, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC).

Keputusan suku akhir kedua Piala Presiden pula menyaksikan pasukan Sunday 20/30 terikat 1-1 dengan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI), namun Sunday 20/30 mara ke separuh akhir dengan agregat 6-3.

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pula menewaskan Uniten KPT 4-3.